**NO. SOALAN : 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [ HANG TUAH JAYA ]** |
| **TARIKH** | **:** | **7 DISEMBER 2020 (ISNIN)** |

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah telah diwujudkan garis panduan yang jelas bagi memudahkan pihak luar sama ada individu mahupun syarikat di dalam ikhtiar mereka membantu meringankan beban pihak pengurusan universiti dan KPT khususnya dalam menangani isu mahasiswa yang terkandas di IPT masing-masing sepanjang pelaksanaan penutupan kampus dan penangguhan kemasukan pelajar secara fizikal.

**NO. SOALAN : 27**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian mengalu-alukan segala sumbangan dan peranan oleh pihak luar termasuk NGO; agensi; syarikat; atau individu untuk tampil sama-sama berganding bahu menghulurkan bantuan kepada pelajar di universiti awam. Walau bagaimanapun, peraturan atau arahan pentadbiran di setiap IPT perlu sentiasa dipatuhi bagi mengelakkan risiko jangkitan dan berlakunya salah faham atau pelanggaran SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM. Garis panduan untuk pihak luar atau individu yang ingin menyalurkan sebarang bantuan atau sumbangan adalah tertakluk kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh setiap IPT.

Justeru, agensi atau individu yang ingin menghulurkan bantuan kepada pelajar atau universiti boleh terus menghubungi Bilik Gerakan di Kementerian atau Pengurusan Universiti (Bahagian Hal ehwal Pelajar) melalui talian hotline di universiti-universiti awam yang berkenaan bagi mendapatkan panduan dan tatacara untuk menghulurkan bantuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kemudahan di kampus, termasuk kafe dan kedai runcit masih tetap beroperasi dan pelajar yang masih berada di kampus juga turut dibenarkan keluar masuk dari universiti untuk membeli barang keperluan harian atau makanan tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh IPT masing-masing. Pihak pengurusan universiti awam juga menyediakan insentif kewangan; pemberian pelan data dan peranti secara percuma atau pada harga tawaran istimewa; elaun sara hidup; dan bantuan makanan kepada pelajar berkeperluan. Usaha ini adalah untuk pastikan keperluan pelajar yang berada di kampus disediakan secukupnya dan kebajikan mereka dijaga.

Sekian, terima kasih.